

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan KPI utama bagi mengukur pencapaian Indeks Syariah Malaysia.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Syariah Malaysia merupakan satu kaedah pengukuran saintifik untuk menilai keseriusan usaha kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

Penilaian Indeks Syariah Malaysia adalah berteraskan lima prinsip maqasid syari'ah, yang diukur berasaskan kepada lapan sektor utama dalam pengurusan dan pentadbiran negara iaitu. perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran, serta sosial. Pengukuran pencapaian indeks ini dilakukan ke atas tiga komponen iaitu penggubal dasar (pemerintah), pelaksana dasar (agensi-agensi pelaksana) dan masyarakat awam keseluruhannya.

Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan indeks ini berjalan dengan lebih sistematik dan efektif, Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang berfungsi sebagai badan pelaksana dan pemantau indeks ini. Panel ini juga akan menilai tahap kesungguhan semua pihak yang terbabit dalam melaksanakan agenda maqasid syariah.

Dari segi keanggotaan, Panel ini terdiri dari tokoh dan pakar dalam bidang dasar dan polisi, syariah, indeks dan ekonomi Islam serta wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam. Panel ini akan bersidang dan menyediakan laporan dapatan kajian mengikut lapan sektor yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa. Sektor ini akan ditambah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Kesimpulannya, pembinaan Indeks Syariah Malaysia adalah satu usaha bertahap perintis dan kehadiran oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan komitmen memajukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Sekian, terima kasih.